

2 FEBRUARI 2023

Tiga calon SPM diterbangkan untuk ambil peperiksaan

Mersing: Tiga calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dari Kampung Orang Asli Punan dibawa ke Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Nitar di sini, menaiki helikopter Unit Udara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) kelmarin, untuk menghadiri peperiksaan berkenaan.

Pemangku Pengarah JBPM Johor Penolong Pesuruhjaya Bomba Mohd Rizal Buang berkata, Norfaizal Selamat, Jefzulkiflie Addy dan

Christie Maurinissca Clay masing-masing berusia 18 tahun dan merupakan Orang Asli Suku Jakun itu dibawa menaiki helikopter jenis Agusta Westland AW189.

Beliau berkata, difahamkan ketiga-tiga calon itu sepatutnya hadir ujian amali sains SPM pada Isnin lalu namun terpaksa ditangguhkan berikutan jalan raya yang menghubungkan kawasan penempatan mereka masih ditenggelami air.

"Bagaimanapun, atas dasar pertimbangan pihak SMK Nitar, ketiga-tiga calon berkenaan dibenarkan menghadiri ujian itu hari ini (semalam).

"Kesemua mereka akan tinggal di asrama sekolah berkenaan sepanjang peperiksaan SPM berlangsung," katanya ketika dihubungi Bernama, semalam.

Sehingga 12 tengah hari semalam, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri memaklumkan jumlah

mangsa banjir di Johor merekodkan seramai 1,373 orang membabitkan empat daerah iaitu Batu Pahat, Kota Tinggi, Mersing dan Segamat.

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), peperiksaan SPM 2022 dilaksanakan mulai 30 Januari hingga 15 Mac ini membabitkan ujian amali sains, ujian bertutur, ujian mendengar dan peperiksaan bertulis membabitkan 403,637 calon. - Bernama



TIGA pelajar tiba di SMK Nitar selepas menaiki helikopter Unit Udara JBPM. - Foto SMK Nitar